



PENDIDIKAN

ARKIB : 23/12/2002

Kepimpinan tentukan kecemerlangan akademik pelajar

ILMU kepemimpinan instruksional (berbentuk pengajaran) perlu didedahkan kepada semua pengetua dan guru besar sekolah di seluruh negara sebagai usaha melahirkan pelajar yang cemerlang akademiknya.

Menurut Pengetua Institut Aminuddin Baki (IAB) Cawangan Utara, Abas Awang, kepemimpinan yang berfokuskan kepada instruksional dapat memastikan guru mengajar yang terbaik dan murid belajar yang terbaik.

Katanya, ini kerana kepemimpinan pengetua dan guru besar merupakan faktor penentu kecemerlangan akademik pelajar.

“Pengurus sekolah perlu memiliki ciri-ciri kepemimpinan yang berkualiti dan mampu mempengaruhi serta menjalinkan perhubungan yang baik dengan pegawai bawahannya,” katanya.

Pencapaian

Beliau berkata demikian pada Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-11 anjuran IAB dengan kerjasama Kumpulan Utusan di Sepang, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Abas berkata, hubungan kepemimpinan sekolah dengan pencapaian pelajar dapat membawa kesan terhadap pencapaian akademik pelajar.

Hasil kajiannya mendapati, sekolah yang prestasi akademik pelajarnya tinggi adalah sekolah yang baik pengurusan kurikulumnya.

Selain itu, sekolah-sekolah yang baik juga selalunya cemerlang dari segi kualiti kepemimpinan instruksional; kejelasan visi, misi dan dasar pendidikan; peranan panitia; program post-mortem, program mentor-mentee dan kualiti sistem kawalan.

Abas berkata, hasil rumusan kajian mengesyorkan beberapa tumpuan kepada kepemimpinan instruksional antaranya pelantikan pengetua/guru besar hendaklah mengambil kira kemampuan kepimpinan dalam bidang instruksional dan bukan hanya berasaskan senioriti.

Selain itu katanya, guru-guru yang mempunyai kelulusan sijil kepengetuaan daripada IAB perlu diutamakan dan semua pengetua pengetua/guru besar, penolong kanan, guru kanan dan penyelia petang perlu diberi latihan kepimpinan instruksional di IAB.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=1223&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_04.htm#ixzz2vEmoQXW1

© Utusan Melayu (M) Bhd